

**GE, Petronas Tandatangani Perjanjian Tujuh Tahun Untuk Pakej Turbin Gas**  
**Bername**  
**28 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- General Electric (GE) Jumaat menandatangani perjanjian rangka global tujuh tahun yang baharu dengan Petroliam Nasional Bhd (Petronas) untuk membekalkan pakej turbin gas.

Pakej turbin gas itu adalah untuk projek dalam dan luar pesisir Petronas di Malaysia dan juga luar negara.

Dalam satu kenyataan hari ini, GE berkata, perjanjian itu termasuk pilihan untuk memperbaharunya selama tiga tahun lagi.

"Perjanjian baharu ini akan membolehkan kita menjadi lebih rapat dengan Petronas dan membuat jangkaan lebih tepat mengenai keperluan teknologi mereka serta menyelaras proses penghantaran," kata Ketua Pegawai Eksekutif Minyak dan Gas GE, Lorenzo Simonelli.

Ketua Pegawai Operasi dan Naib Presiden Eksekutif Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, berkata kumpulan itu akan memperolehi faedah daripada perbelanjaan modal kompetitif dengan jumlah kos pemilikan yang lebih rendah melalui perjanjian kerjasama dengan GE.

Petronas juga menyerahkan kontrak perkhidmatan jangka panjang kepada SapuraKencana GE Oil & Gas Services Sdn Bhd, syarikat usahasama yang diwujudkan GE dengan SapuraKencana Bhd untuk penyelenggaraan mesin turbo GE.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025842>